

04/08/1997

Ekran cuba penyelesaian sendiri

KUALA LUMPUR, Ahad - Ekran Berhad (Ekran) akan hanya meminta campur tangan kerajaan dalam krisis antaranya dan Asia Brown Boveri (ABB) dalam projek pembinaan empangan hidroelektrik Bakun, sekiranya segala usaha penyelesaian menemui jalan buntu.

Pengerusi Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, berkata eksekutif kanan ABB dijangka menemuinya minggu ini untuk mencari formula bagi menyelesaikan krisis membabitkan kontrak yang dikatakan tidak memuaskan pihak Ekran.

"Bagaimanapun, sekiranya perbincangan kali ini turut gagal, saya terpaksa menerima keputusan kerajaan untuk campur tangan.

"Masalah yang timbul terlalu rumit kerana ia membabitkan kontrak yang tidak berpihak kepada kami dan kos tambahannya begitu tinggi sedangkan kami tidak boleh lagi membuat sebarang pinjaman," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini, hari ini.

Beliau menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Shariff, yang menamatkan lawatan rasmi selama tiga hari di negara ini.

Khamis lalu, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan membatalkan kontrak di antara Ekran dan ABB, jika siasatan menunjukkan projek berharga RM15 bilion berkenaan tidak dilaksanakan mengikut perjanjian.

Menurutnya, kerajaan sedang meneliti masalah antara Ekran dan kontraktor utama bagi pembinaan empangan Bakun itu kerana wujud perasaan tidak puas hati mengenai syarat perjanjian dalam kontrak di antara kedua-dua syarikat itu.

Kelmarin, ABB yang mengaku menghadapi masalah dengan Ekran bagaimanapun berharap ia dapat diselesaikan minggu ini.

Pengurus Besar Komunikasi Korporatnya, Mohd Kadri Taib, berharap satu formula terbaik dapat dicari untuk menyelesaikan masalah membabitkan kontrak perjanjian kedua-dua pihak.

Menjawab soalan, Ting berkata, masalah utama sekarang ialah Ekran tidak boleh membuat sebarang pinjaman bank.

"Pihak bank melihat projek sebagai satu risiko yang tinggi kerana ada kos tambahan. Dalam keadaan dan masalah seperti sekarang, siapa yang sudi untuk memberi pinjaman kepada kami," katanya.

Projek empangan Bakun dimajukan Bakun Hydroelectric Corporation (BHC) dengan Ekran memiliki saham sebanyak 32 peratus, Kerajaan Sarawak (19 peratus), Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (9 peratus), Kerajaan Malaysia melalui Khazanah Nasional Bhd, Tenaga Nasional dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masing-masing lima peratus, dan awam 25 peratus.

(END)